

31/03/1998

Ruhanie dilantik pengerusi baru Mara

PETALING JAYA, Isnin - Ahli Parlimen Parit Sulong, Ruhanie Ahmad (gambar) dilantik sebagai Pengerusi Mara yang baru, menggantikan Datuk Othman Abdul yang tamat tempoh perkhidmatannya, berkuat kuasa 1 April ini.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, ketika mengumumkan pelantikan itu berkata, Ruhanie akan menggantikan Othman untuk menjalankan tugas sebagai Pengerusi Mara bagi tempoh dua tahun.

Ruhanie ialah Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), manakala Othman kini adalah Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, yang dilantik tahun lalu.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Datuk Othman Abdul atas khidmat beliau yang cemerlang selama dua tahun. Kepada saudara Ruhanie, saya ucapkan selamat bertugas bagi tempoh yang sama," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sementara itu, mengulas pelantikan berkenaan, Ruhanie berikrar akan menggunakan kedudukannya itu bagi memperjuangkan kepentingan Bumiputera.

Menurutnya, beliau akan berusaha mencari sebanyak mungkin faedah dan manfaat yang boleh diberikan kepada Bumiputera selaras dengan undang-undang tubuh Mara sendiri.

"Saya faham jawatan Pengerusi Mara ini orang kata kerusi panas tetapi saya yakin asalkan kita menjalankan tugas kerana Allah dengan jujur dan ikhlas untuk bangsa, agama dan tanah air, insya-Allah kita akan mendapat keberkatannya," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen.

Ruhanie mengucapkan syukur dan berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Mustapa kerana memberi kepercayaan penuh kepadanya menerajui kepimpinan Mara.

(END)